

PENUTUP

PENUTUP

1. Pada umumnya, kementerian/jabatan/agensi terlibat mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan aktiviti perhutanan. Namun demikian, wujud keperluan untuk memastikan kajian awal dilakukan dengan terperinci dan perancangan secara menyeluruh melibatkan semua pihak yang berkaitan bagi menentukan skop program/projek di peringkat awal perancangan agar pengukuran pencapaian kelak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mengurangkan risiko kegagalan sesuatu projek yang merugikan Kerajaan. Dari segi pelaksanaannya, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu aktiviti dilaksanakan dengan ekonomi, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.
2. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya kelemahan pengurusan data perhutanan, ketiadaan penyelarasan/kerjasama antara agensi berkenaan, kelemahan dalam aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan agensi terlibat serta penggunaan teknologi perhutanan yang tidak optimum. Kelemahan ini menyebabkan aktiviti tidak dapat dilaksanakan secara berkesan dalam tempoh ditetapkan serta, kerajaan tidak mendapat nilai faedah yang dibelanjakan. Objektif pelaksanaan aktiviti juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan secara langsung memberi impak kepada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.
3. Sehubungan ini, adalah disyorkan perkara berikut:
 - a. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Hutan Sarawak (JHS) dan Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) melaksanakan proses pengumpulan dan verifikasi data kawasan berhutan nasional secara tahunan dengan mewujudkan pangkalan data yang lengkap mengenai HSK, kawasan perlindungan dan hutan tanah Kerajaan.
 - b. NRECC meningkatkan kerjasama dengan kerajaan negeri dalam menyediakan hala tuju atau pelan tindakan bagi pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan melalui tadbir urus yang baik dan amalan terbaik bagi memastikan sektor perhutanan terus menyumbang ke arah pencapaian pembangunan lestari negara.
 - c. NRECC, Kementerian Perladangan dan Komoditi dan jabatan/agensi terlibat menjalankan kajian dan penilaian kejayaan projek pembangunan ladang hutan dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar serta kajian kesan jangka panjang

terhadap tahap kemerosotan ekosistem, spesies tanaman dan risiko bencana alam serta kesan negatif kepada alam sekitar dan masyarakat.

- d. JPSM, JHS, JPS dan agensi penguatkuasa terlibat meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi memastikan setiap projek pembangunan di kawasan berhutan mematuhi syarat pembangunan yang ditetapkan termasuk aspek pematuhan alam sekitar. Mengambil tindakan perundangan terhadap pelanggaran syarat lesen, syarat kelulusan EIA dan garis panduan berkaitan alam sekitar.
- e. Menggunakan data geospasial, teknologi perhutanan, sistem hiperspektral dan War Room secara optimum dalam pengurusan hutan serta pemantauan pembangunan di kawasan berhutan bagi mengatasi kekurangan sumber manusia di lapangan.
- f. Sebagai bukti komitmen yang tinggi, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan segera terhadap teguran Ketua Audit Negara. Laporan tindakan dan dokumen sokongan berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara bagi membolehkan segala status tindakan dikemaskinikan ke dalam Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard* – AGD) di <http://agdashboard.audit.gov.my>.

4. Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu sahaja. Sehubungan itu, Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan/Ketua Agensi yang berkenaan perlu menjalankan pemantauan rapi dan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada aktiviti lain juga mempunyai kelemahan yang sama. Jika terdapat kelemahan yang serupa tindakan pembetulan dan penambahbaikan juga perlu diambil. Di samping itu, selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, Unit Audit Dalam perlu juga diminta untuk menjalankan pengauditan prestasi terhadap pengurusan aktiviti. Tujuannya adalah untuk menentukan sejauh mana program/projek/aktiviti telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan.

5. Oleh itu, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti Sektor Awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
17 Oktober 2023**